



Menunggu Esok

3
99
233
al

BORNEO LITERATURE BUREAU

MENUNGGU ESOK



Menunggu esok



SAR00018269

PUSAT DOKUMENTASI MELAYU
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

MENUNGGU

SALBIAH PAINAH

ESOK

lukisan oleh

DAUD NAPIS



BORNEO LITERATURE BUREAU

© BORNEO LITERATURE BUREAU, 1970

*(di-anjur oleh Kerajaan
Negeri Sarawak dan Sabah)
Jalan Tun Hj. Openg,
Kuching, Sarawak, Malaysia Timor.*

Di-chetak oleh
Asiatic Litho. Printing Press Ltd.
Hong Kong

SENJA MEMBAWA KESAH

Petang itu tenang – segala2-nya damai. Sang suria sedang tersenyum memancharkan chahaya-nya yang ungu jingga, bersedia untok beradu di-upok barat. Langit cherah membiru di-hiasi oleh kelompok2 mega putih yang sudah berubah warna menjadi kekuningan emas dek sinaran suria senja, menandakan chuacha esok akan menggembirakan.

Dalam sa-buah rumah kecil yang tersorok di-belakang sa-buah rumah besar yang tersergam indah dudok dua orang insan – sa-orang ibu yang berumur kira2 empat puluh tahun dan sa-orang anak muda yang telah memasoki alam belasan tahun-nya yang terakhir, menghadapi sa-buah meja kecil. Sambil minum teh untok petang itu, kedua anak dan ibu itu berchakap2 juga tentang beberapa perkara yang berlaku pada hari itu. Di-sudut sana terdengar lagu2 Hiboran Hujung Minggu berkumandang dari sa-buah *transistor* kecil. Lapang hati anak muda itu apabila berada di-samping ibu-nya yang di-kasehi itu.

Bagitu-lah selalu – perasaan Kamaruzaman akan bagitu damai bila ibu-nya, Salmah, ada bersama-sama-nya. Pada sa'at itu terdengar. “. . . mengalir ayer mata teman duka ku menangis ta' bernada di-ambang senja”

suara biduan pujaan ramai memenuhi ruangan itu. Salmah terpegun, genangan ayer jerneh mulai memenuhi kelopak mata-nya. Hati-nya terharu sa-olah2 irama dan kata2 lagu itu tepat menikam jantung-nya. Ya, di-ambang senja bagini-lah dia mulai melangkah meninggalkan segala2 yang di-kasehi-nya. Di-ambang senja bagini-lah dia mulai menempoh gelombang hidup yang penoh dengan ranjau dan duri. Sa-titis demi sa-titis ayer mata sedeh mengalir membasahi kedua belah pipi yang maseh gebu dan sehat itu.

“Eh mengapa mak, mengapa?” terlompat satu soalan dari mulut Kamaruzaman, sambil bangun memegang kedua belah bahu ibu-nya dari belakang. Anak muda itu chemas! Salmah tersentak. “T-t-tidak Zaman, ta’ ada apa2,” jawab Salmah gugup. Sa-chepat kilat dia mengesat ayer mata-nya dengan lengan baju kurong chita yang di-pakai-nya petang itu. Dia ber‘azam hendak melindungi penderitaan bathin-nya dari Kamaruzaman, chahaya mata-nya yang tunggal itu.

“Tapi kenapa mak menangis?” desak Kamaruzaman, juga ber‘azam hendak tahu, dan kalau boleh meringankan penanggungan ibu kandong-nya.

“Mak ta’ menangis Zaman, chuma kepala mak ni pening sikit,” Salmah berdoleh. Kamaruzaman tahu itu bukan sebab-nya. Tapi buat sementara biar-lah dia mengalah. Dia menghormati perasaan ibu yang sangat di-kasehi-nya itu.

“Kalau mak sakit kepala berehat saja-lah mak,” kata anak muda itu, “ta’ payah-lah mak masak petang ni. Biar Zaman ka-pasar membeli er a apa yang

suara biduan pujaan ramai memenuhi ruangan itu. Salmah terpegun, genangan ayer jerneh mulai memenuhi kelopak mata-nya. Hati-nya terharu sa-olah2 irama dan kata2 lagu itu tepat menikam jantung-nya. Ya, di-ambang senja bagini-lah dia mulai melangkah meninggalkan segala2 yang di-kasehi-nya. Di-ambang senja bagini-lah dia mulai menempoh gelombang hidup yang penoh dengan ranjau dan duri. Sa-titis demi sa-titis ayer mata sedeh mengalir membasahi kedua belah pipi yang maseh gebu dan sehat itu.

“Eh mengapa mak, mengapa?” terlompat satu soalan dari mulut Kamaruzaman, sambil bangun memegang kedua belah bahu ibu-nya dari belakang. Anak muda itu chemas! Salmah tersentak. “T-t-tidak Zaman, ta’ ada apa2,” jawab Salmah gugup. Sa-chepat kilat dia mengesat ayer mata-nya dengan lengan baju kurong chita yang di-pakai-nya petang itu. Dia ber’azam hendak melindungi penderitaan bathin-nya dari Kamaruzaman, chahaya mata-nya yang tunggal itu.

“Tapi kenapa mak menangis?” desak Kamaruzaman, juga ber’azam hendak tahu, dan kalau boleh meringankan penanggungan ibu kandong-nya.

“Mak ta’ menangis Zaman, chuma kepala mak ni pening sikit,” Salmah berdaleh. Kamaruzaman tahu itu bukan sebab-nya. Tapi buat sementara biar-lah dia mengalah. Dia menghormati perasaan ibu yang sangat di-kasehi-nya itu.

“Kalau mak sakit kepala berehat saja-lah mak,” kata anak muda itu, “ta’ payah-lah mak masak petang ni. Biar Zaman ka-pasar membeli er a apa yang

elok mak?" sambong-nya chukup hormat. Salmah menarek nafas panjang. Belum sempat dia menjawab Kamaruzaman bersuara lagi, "Mee atau nasi mak?" sambil menchapai baju batek yang sangat di-gemari-nya. "Ta' payah beli nasi Zaman, biar mak masakkan. Pening kepala mak ni bukan-nya kuat sangat. Kejap lagi tentu hilang pening-nya."

Tapi Kamaruzaman sudah siap berpakaian. "Kalau bagitu biar Zaman belikan goreng ati dan kari udang, ya mak?" kata-nya sambil menyikat rambut-nya yang hitam berkilat dan berombak2 itu. "Ah, baik-lah Zaman," Salmah mengalah sambil bangun mengumpul piring2 dan chawan2 kosong di-atas meja di-hadapan-nya itu, untok di-chuchi.

Kamaruzaman menchapai basikal dan terus mengayoh-nya perlahan2, menuju ka-pasar. Di-benak-nya berputar beberapa soalan. Dia hairan, mengapa ibu-nya dengan tiba2 saja menangis? Kenapa, selalu di-perhati-nya, ibu-nya selalu bersedeh?" Dan apa pula sebab-nya ibu-nya selalu berdoleh dan mengalah tajok perchakapan, kalau dia, Kamaruzaman, bertanya tentang kesah hidup-nya sa-masa kechil — tentang ayah-nya sa-belum beliau 'meninggal'? "Ohhhh!" keloh Kamaruzaman, "tentu ada sa-suatu yang mak sembunyikan dari ku. Aku mesti pujok mak aku mesti." Dia ber'azam. Ya dia sekarang sudah dewasa. Dari itu dia sa-bagai anak, ada-lah bertanggung jawab untok menolong meringankan bebanan ibu-nya dari apa saja yang merunsingkan fikiran-nya.

Selesai makan malam itu, Salmah terus masok ka-bilek-nya menunaikan fardzu 'Isha'. Kamaruzaman men-chuchi pinggan mangkok. Memang bagitu-lah selalu-nya —

menolong ibu-nya ada-lah menjadi satu kegembiraan baginya. Dia ta' sampai hati melihat ibu-nya bekerja ta' putus2 dari pagi hingga ka-malam. "Sudah-lah sa-masa Zaman kechil2 dulu menyusahkan mak, kini Zaman dah besar, patut benar-lah Zaman menolong mak," kata Kamaruzaman pada satu hari, bila ibu-nya melarang dia menolong membuat kerja2 rumah.

Sa-tengah jam kemudian kedua beranak itu berada di-ruang tengah. Kamaruzaman membelek-belek sa-buah buku yang di-bawa-nya balek dari pejabat-nya petang tadi, sedangkan ibu-nya, Salmah, tekun memereksa buku2 kerja anak 'murid'-nya siang itu.

Sejak Kamaruzaman dapat kerja pada tahun lalu, ibu-nya terpaksa berhenti dari menjadi *tracer* di-pejabat Tanah dan Sukat Menyukat, di-mana dia telah bertugas lebeh dari enam belas tahun. Sa-belum bekerja di-pejabat itu, Salmah pernah berkhidmat sabagai sa-orang guru sekolah sa-lama beberapa tahun. Kini walau pun anak-nya mendesak supaya dia dudok saja di-rumah, Salmah merasa bosan dan sunyi. Dari itu dia sekarang bekerja sambilan – menjadi guru Kelas Dewasa.

"Kerja ini mudah, Zaman," terang-nya," mak chuma mengajar tiga hari saja dalam sa-minggu. Itu pun chuma dua jam saja pada tiap2 hari."

"Tapi tidak-kah mak penat?" kata Kamaruzaman. "Mak dah puas bekerja sa-masa Zaman bersekolah dulu. Sekarang Zaman dah dapat kerja, mah rehat saja-lah." Salmah memandang wajah anak-nya yang bersungguh2 itu.

“Bertugas untok masharakat ada-lah satu kebahagiaan bagi mak, Zaman, daripada dudok diam di-rumah saja. Lagi pun ini kerja sambilan nak, biar-lah mak kerja,” rayu Salmah. Akhir-nya Kamaruzaman terpaksa mengalah untok menjaga kebahagiaan hati ibu-nya.

Lepas sa-buah, sa-buah lagi buku kerja ‘murid2’ dewasa itu di-pereksa-nya. Kadang2 Salmah tersenyum bila terjumpa ejaan2 atau ayat2 yang salah dan ganjil. Walau pun banyak kesilapan2 yang sama di-buat oleh ‘murid2’-nya namun Salmah ta’ pernah berasa marah. Dia tahu dan chukup faham, ‘murid2’-nya ada-lah manusia biasa – manusia tidak pernah sunyi dari kesalahan dan kesilapan. Di-samping itu dia berbangga, berbangga kerana pelajar2 dewasa itu ada-lah manusia yang telah sedar dan insaf, manusia yang mempunyai keinginan dan ke‘azaman yang kuat. Mereka ada-lah orang2 yang berani, berani menempoh dan memerangi alam ‘Buta Huruf’ yang gelap gulita itu. Sebab itu-lah dia sabagai guru dan pemimpin mereka, wajib tekun dan sabar membimbing pelajar2 bangsa-nya itu ka-arrah kemajuan – ka-arrah taraf hidup yang lebeh sempurna.

Kamaruzaman sejak tadi memerhati saja telatah ibu-nya. Dia chuma pura2 membacha. “Aneh,” kelohnya sendirian, “tadi mak kata sakit kepala, dan ah sekarang”

“Ah, dah siap, rajin juga murid2 mak ni Zaman.” Terdengar suara Salmah, sambil bangun mengemaskan buku2 itu dan menyimpangkan-nya ka-dalam beg. Kamaruzaman tersenyum mendengar pujian ibu-nya kapada pelajar2 itu. “Ini peluang baik,” fikir-nya. Dia meletak buku yang

di-pegang-nya tadi ka-atas meja. “Mak,” suara-nya perlahan dan hormat.

“Ada apa Zaman?” tanya ibu-nya chepat. Dia memandang muka anak-nya itu tepat2. Kamaruzaman tundok.

“Kalau ta’ salah, dulu mak pernah berjanji” Salmah terperanjat mendengar kata2 itu. Renongan-nya ka-muka Kamaruzaman sa-makin tepat. “Berjanji?” Salmah mengulangi perkataan itu lambat2, sa-olah2 hendak mengingatkan bila janji itu di-beri-nya. Kamaruzaman mengangkat muka-nya dan memandang ibu-nya sambil menggok2 kepala-nya.

“Ya mak,” kata-nya, “dula masa Zaman maseh dalam bangku sekolah menengah, mak telah bersusah payah menggalakkan Zaman supaya belajar bersungguh2.” Dia berhenti sa-jenak, kemudian menyambong lagi: “Zaman telah ta’ati segala nasehat dan galakan mak itu, kerana, ya lah, Zaman sedar diri Zaman ni ta’ ada ayah.”

Suasana hening sa-ketika. Salmah maseh tertegak berdiri. Di-wajah-nya terlukis gambaran perasaan yang ta’ dapat di-analisisakan oleh Kamaruzaman. Sa’at demi sa’at berlalu.

“Tapi janji apa-kah yang kau tuntutan tu Zaman?” Salmah bertanya dengan nada yang lesu, “Mak ta’ ingat.”

“Zaman ingin tahu tentang ayah Zaman mak,” jawab anak muda itu chepat. Salmah terduduk sa-mula di-kerusi-nya, diam. “Mak berjanji nak beri tau Zaman, bila

Zaman dah dewasa er . . . berumur dua puluh tahun,” tegas Kamaruzaman bersungguh2.

“Tapi kau belum lagi dua puluh” Salmah memberi ingat. “Minggu depan mak,” Kamaruzaman memotong, “minggu depan ada-lah hari jadi Zaman yang kedua puluh.”

Salmah maseh terdiam. Di-benak-nya berputar berbagai2 soalan: Sudah patut-kah Kamaruzaman mengetahui liku2 hidup yang di-lalui-nya? Sudah tiba-kah masa-nya bagi Kamaruzaman untok menyingkap tabir yang menutupi gambaran ayah-nya? Sudah dewasa-kah anak kesayangan-nya itu untok membezakan burok baik-nya sa-suatu perkara?

“Tolong-lah mak,” rayu Kamaruzaman, “Zaman sekarang dah chukup dewasa mak. Zaman ingin benar nak tau mengapa kita ta’ ada saudara mara di-sini dan”

“Baik Zaman baik,” Salmah mengeloh. Dengan suara yang tegas dia menyambong lagi, “Tapi sa-telah mak cheritakan segala2-nya kelak, mak harap jangan-lah kau salahkan mana2 pihak Zaman, kerana mak berpendapat, apa yang telah berlaku ada-lah takdir semata-mata.” Dia tundok menyembunyikan ayer mata yang mulai memenohi kelopak mata-nya. Kamaruzaman merapatkan lagi kerusi-nya ka-hadapan. Salmah mengator dudok-nya bersedia hendak memulakan kesah-nya.

BUANG MAK BUANG SAUDARA

“Biar mak mulakan dari awal-nya Zaman,” kata Salmah — tenang. “Itu-lah yang sa-elok2-nya mak,” Kamaruzaman bersetuju penoh. “Mak ada-lah anak tunggal” Salmah memula kesah hidup-nya — kesah yang telah lebeh dua puluh tahun berlalu, tapi bagi diri-nya sa-olah2 baru semalam berlaku.

Ya, sabagai anak tunggal sudah pasti-lah kaseh sayang kedua orang tua-nya terchurah kapada Salmah. Hidup-nya lebeh bertuah kerana kedua ibu bapa-nya berjiwa kemajuan. Salmah di-hantar ka-sekolah Inggeris, walau pun pada masa itu susah benar kita hendak melihat anak2 perempuan kita Melayu yang di-sekolahkan — lebeh2 lagi di-sekolah Inggeris.

Salmah mempunyai otak yang chergas. Dia berjaya dalam tiap2 ujian, sa-hingga-lah ka-Tingkatan Tiga. Pada masa itu lulus Tingkatan Tiga bagi sa-orang wanita ada-lah satu kejayaan yang amat gemilang. Walau bagaimana pun Salmah tidak melanjutkan pelajaran-nya, kerana ayah-nya tidak berkemampuan. Dia terus masok menjadi guru pelateh, mengajar di-sabuah sekolah di-kampong-nya. Sa-

tahun kemudian dia di-hantar berlateh di-Kolej Latehan Guru2, Batu Lintang, yang terletak kira2 dua batu dari Bandar Kuching.

Sa-telah berlateh sa-lama dua tahun, sa-telah menempoh berbagai kesukaran, Salmah pulang ka-kampungnya membawa kejayaan. Bukan main bangga kedua ibu bapa-nya, kerana maalum saja-lah pada masa itu susah hendak menchari anak gadis yang terpelajar bagitu tinggi dan bebas. Kebebasan anak2 perempuan maseh tersekat. Ibu bapa maseh berfikir yang anak2 perempuan ta' harus di-beri pelajaran tinggi, kelak ka-dapor juga tempat mereka.

Tapi sejak Salmah berjaya 'makan gaji' ramai-lah ibu-bapa yang menghantar anak2 perempuan mereka ka-sekolah. Ini menggembirakan Salmah yang ingin melihat kaum sa-jenis-nya maju ka-hadapan sa-tapak lagi.

Sabagai insan biasa Salmah tidak dapat lari dari bahaya 'Chinta'. Dia telah memikat dan terpicat oleh sa-orang pegawai muda yang sedang bertugas di-daerah-nya. Mereka saling kaseh mengasehi. Musa nama-nya anak muda itu. Dia berasal dari Bahagian Kedua. Orang-nya kachak lagi peramah. Ta' hairan-lah kalau banyak anak2 gadis yang merindui-nya.

Perhubungan Musa dan Salmah telah sampai juga ka-telinga orang tua Salmah. Wah! Bukan main berang-nya orang tua itu. Pa' Salleh ayah Salmah sama sa-kali tidak mengizinkan anak tunggal-nya itu berkahwin dengan pemuda itu, kerana kata-nya Musa ada-lah orang 'asing'. Dia mahu Salmah kahwin dengan pemuda sama sa-kampung itu.

Mak Bedah, ibu Salmah pula sa-kali2 tidak merelakan dengan alasan Musa ada-lah 'orang jauh'. Dia ta' mahu anak kesayangan-nya itu di-bawa oleh suami-nya pergi jauh dari-nya.

Walau pun kedua2 ibu bapa-nya menentang keras akan perhubungan-nya dengan Musa, Salmah tetap dengan pendirian-nya, dan akhir-nya tanpa izin, tanpa kerelaan kedua orang tua-nya, Salmah dan Musa kahwin!

"Agak-nya kerana melanggar larangan kedua orang tua mak, maka-nya mak terpaksa menempoh kegagalan," keloh Salmah, sambil membuang pandangan keluar tingkap. Alam sa-makin kelam.

"Tidak-kah mak dan ayah tinggal bersama nenek dan datok?" tanya Kamaruzaman ingin tahu.

"Tidak Zaman, ayah mu dan mak tinggal di-rumah kerajaan."

Tidak lama kemudian, sambong-nya, dia telah di-bawa oleh Musa pergi ka-Miri, kerana di-tugaskan ka-sana. Sabagai sa-orang isteri Salmah terpaksa menurut, kerana itu tugas utama-nya.

Di-Miri chahaya kebahagiaan suami isteri itu kian semarak. Salmah telah dapat kerja sa-mula. Dia mengajar di-salah sa-buah sekolah *mission*. Kini timbul soal menjaga dan mengurus rumah-tangga. Musa berchadang supaya

mereka mengambil orang gaji. Salmah bersetuju. Tapi soal-nya di-mana nak chari orang yang sesuai dan sanggup bekerja! Lama juga Salmah bertanya2 kepada sahabat kenalan-nya.

Akhir-nya sa-orang anak yatim piatu di-kenalkan kapada-nya. Zainab nama anak yatim itu, berumur kira2 lima belas tahun. Salmah kasehan melihat anak gadis sunti itu dan bersetuju mengambil-nya untok bekerja di-rumah-nya itu. Sa-telah mendapat persetujuan dari semua pehak Zainab pun berpindah-lah ka-rumah itu, bukan saja sabagai orang gaji tetapi juga sabagai adek angkat Salmah.

Suasana bahagia di-dalam rumah-tangga Salmah dan Musa ada-lah mengiri hatikan jiran tetangga. Ta' pernah terdengar pertelengkahan, ta' pernah terdapat perselisihan.

Zainab pula ada-lah sa-orang gadis yang rajin dan tahu membawa diri — tahu menumpang kaseh. Sa-peninggalan Salmah dan Musa keluar bekerja, ta' pernah dia menchuaikan tugas2-nya. Rumah terator rapi dan makanan siap tersaji, bila kedua suami isteri itu sampai ka-rumah dari tugas masing2. Kerajinan Zainab ini-lah yang menyebabkan Salmah sangat sayang pada-nya. Ya, Zainab tidak lagi di-rasa-nya sabagai orang lain tapi sabagai adek-nya sendiri. Ka-mana saja suami isteri ini pergi Zainab di-bawa mereka bersama.

RAGU MULAI BERCHAMBAH

Hari berganti minggu, bulan berganti tahun. Suasana rumah-tangga Salmah dan Musa belum lagi di-hiasi oleh nada tangisan sa-orang bayi, belum lagi di-sulami dengan ketawa riang sa-orang insan kecil yang sangat di-idam2kan. Walau pun rumah itu indah terator, kemas terhias namun kekurangan maseh terasa oleh tuan punya rumah itu.

Walaupun demikian kaseh sayang antara kedua suami isteri itu — Salmah dan Musa — belum-lah berkurangan nampak-nya, kerana maalum-lah rumah-tangga mereka terbena atas dasar cinta yang sejati, atas landasan per-safahaman yang tulen.

Sabagai menyahut rayuan Salmah atau menunai permohonan Musa, kini Salmah merasa badan-nya kurang sehat. Makan-nya agak kurang dan tidor-nya pula sering terganggu. Hati-nya bagitu terharu dan risau.

Perubahan atas diri Salmah tidak-lah di-ketahui oleh Musa. Dia ingin merahsiakan sa-hingga dia telah yakin yang perubahan itu benar2 akan membawa satu chahaya baru yang akan menyinarakan lagi hidup-nya. Kini Salmah

maseh ragu. “Mengandung-kah aku?” tanya hati kechil-nya. “Boleh-kah aku beri tau bang Musa?” dia menyoal diri-nya. “Ah biar-lah dulu untuk beberapa waktu,” fikir-nya lagi. Ya, dia maseh ragu, dia ta’ mahu memberi harapan yang akan mengechewakan hati suami yang sangat di-chintai-nya itu.

Malam itu agak panas. Salmah tiba2 terjaga dari tidor-nya. Di-sisi-nya Musa telah tiada. Hati-nya berdebar. Sejuk seluroh anggota-nya. Di-mana dia? Salmah terus membuang selimut-nya dan terjun dari katil. Sa-rentak itu juga Musa masok ka-bilek itu. Tergesa2 nampak-nya.

“Mengapa Sal?” kata-nya melihat Salmah bagitu chemas.

“Tidak bang, Sal ingat abang keluar ta’ beri tau Sal tadi,” jawab Salmah, wajah Musa di-renong-nya sa-olah2 menchari sa-suatu penjelasan. Musa senyum dalam samar chahaya lampu bilek tidor itu – tidak bagitu jelas. Payah Salmah nak menganalisakan senyuman itu.

“Ala ta’ kan-lah abang nak buat bagitu,” kata Musa. “Abang chuma dudok di-ruang tengah, panas-lah malam ni,” jawab Musa sambil menarek selimut hingga ka-leher-nya.

“Abang ta’ buka api?” Salmah maseh dudok di-hujung katil. Suara-nya perlahan kerana debaran hati-nya maseh terasa benar.

“Buat apa nak buka api, abang bukan nak bacha surat

khobar, chuma nak merokok saja,” jelas Musa. Salmah mengeloh, lapang.

“Lain kali jangan buat begitu tau bang. Buat Sal terperanjat saja abang ni,” kata Salmah dengan nada yang manja. Dia baring sa-mula di-sisi suami-nya. Hilang segala bimbang dan ragu di-hati-nya bila berada dalam pelokan suami yang di-kaseh-nya sa-penoh hati itu.

Tiga malam berselang, peristiwa ganjil itu berlaku lagi. Aneh! Salmah terjaga saperti ada satu kuasa yang menggerakkan-nya. Dengan tidak mengalahkan badan-nya dia meraba tempat suami-nya. Kosong! Ta’ dapat di-tahan2 jantong-nya berdebar begitu kenchang. Badan-nya menggigil. Hati-nya mulai churiga. Di-mana Musa? Kenapa dia ta’ buka api? Mungkin-kah? Ah tidak, ta’ mungkin suami yang begitu pengaseh sanggup melukakan hati-nya. Tapi kenapa begitu ganjil?

Dengan perlahan2 Salmah mulai menghulur kaki-nya hendak turun dari katil-nya. Tapi serentak itu juga Musa masuk.

“Kenapa Sal, mengapa?” sama saja soalan yang di-gunakan-nya. Salmah kebingongan, ta’ tau apa yang hendak di-perchayai-nya.

“Oh . . . Oh tidak bang Sal nak ka-bilek ayer,” dia berdoleh, dengan harapan suara-nya tidak mengegetar.

Salmah membuka api di-ruang tengah dan terus masuk ka-bilek ayer. Debaran hati-nya sangat kenchang

sa-hingga dia kkuatir kalau2 dapat di-dengar oleh Musa. Perasaan Salmah pada sa'at itu serba salah. Churiga kini mulai berchambah. Entah berapa kali-kah sudah perkara sa-rupa ini berlaku, dia ta' tahu. Ada-kah sa-suatu di-sebalek kelakuan Musa yang ganjil dan sumbang itu? Atau benar-kah diri-nya mengandong? Kalau benar inikah yang menyebabkan-nya selalu churiga dan was2 kepada suami-nya? Orang2 tua kata bagitu: Perempuan kalau mengandong sangat chemburu. Tapi Salmah ta' tau apa nak di-buat!

Lama dia berdiri di-bilek ayer itu, menanti hati-nya tenang sa-mula, menanti perasaan-nya tenteram kembali. Dia chukup perchaya atas kejujoran suami-nya.

Walau bagaimana pun Salmah ber'azam hendak membuat satu penyiasatan lebeh lanjut — penyiasatan tentang diri-nya. Dia ta' mau menyalah orang lain sa-belum ada bukti2 yang chukup terang. Agak-nya apa yang berlaku ada-lah khayalan—nya sa-mata2 atau chuma perasaan-nya saja. Bagitu-lah kesimpulan yang di-ambil oleh Salmah buat sementara. Hati-nya damai sa-mula.

Masa terus berlalu juga. Sejak akhir2 ini Salmah merasa diri-nya hidup di-alam mimpi. Fikiran-nya sentiasa tiada tenang.

Pada Musa tiada ada apa2 perubahan yang boleh menchurigakan. Dari itu berat benar hati Salmah mengatakan kerisauan-nya ada-lah berpuncha dari dalam diri-nya. Suami-nya tidak bersalah. Dia merasa berdosa menyangka

yang bukan2 terhadap suami-nya. Tapi mengapa dia tidak dapat melupakan peristiwa ganjil yang berlaku berturut2 beberapa malam yang lalu? Salmah hairan pada diri-nya.

Waktu makan tengah hari itu Salmah dengan tenang berkata, "Sal balek akhir petang ni bang. Sal ada *extra duty* di-sekolah."

Musa mengangkat muka dan memandang isteri-nya. "Pukul berapa nak ambil Sal?" tanya-nya, sambil menyuap nasi yang tinggal sedikit lagi dalam pinggan-nya.

"Ta' payah-lah abang nak ambil Sal," kata Salmah sambil menchuchi tangan. "Sal belum tau pukul berapa Sal di-benarkan balek."

"Kalau bagitu abang pun nak buat kerja lebih petang ni," kata Musa. "Balek kira2 jam enam petang," sambong-nya.

"Kalau bagitu bagus-lah. Sal pun ta'-lah tergesa2 nak balek," kata Salmah. Kepala-nya maseh tundok kerana hendak mengelakkan mata suami-nya. Entah mengapa hati-nya segan benar hendak menentang mata itu.

Sa-telah berehat beberapa ketika, Zainab pun datang menatang sa-buah dulang kecil yang berisi dua chawan kopi. "Nab," kata Salmah, "petang ni abang kau dan kakak balek lambat. Ta' usah-lah tunggu kami. Kau minum-lah sendiri dulu."

"Baik kak," jawab gadis sunti itu, penoh hormat.



Wajah Zainab di-renong-nya.

Sungguh jelita paras anak gadis itu, fikir Salmah.

“Nak masak apa petang ni kak?” tanya Zainab lagi.

“Masak saja-lah apa yang ada,” kata Salmah. Wajah Zainab di-renong-nya. Sungguh jelita paras anak gadis itu, fikir Salmah. Badan-nya kian berisi, wajah-nya tambah manis. Maalum-lah gadis belasan tahun. Salmah tahu diri-nya chuma beberapa tahun sahaja tua dari diri Zainab. Kechantekan-nya juga belum luntor, tapi walau bagaimana pun dia sudah kahwin, tua juga rasa-nya.

“Ikan semalam maseh ada lagi Nab?” tanya Salmah, sa-telah berdiam diri beberapa sa’at. “Maseh kak,” jawab Zainab ringkas.

Musa melihat jam tangan-nya dan berkata, “Eh dah jam satu lima belas Sal, nanti lambat pula kita.” Dia menchapai chawan kopi-nya dan menghabiskan ayer di-dalam-nya. Salmah bangun dan masok ka-bilek-nya, untok membetulkan rambut dan bedak-nya.

Sa-jurus kemudian dua suami isteri yang berbahagia itu pun turun-lah meninggalkan rumah dengan tujuan masing2. Di-wajah kedua-nya terbayang kegembiraan namun di-hati masing2 tersimpan perasaan yang berlainan dan tersendiri.

Kira2 jam tiga sa-tengah petang itu Musa balek ka-rumah. Zainab menyambut-nya dengan senyum meng-hanchor iman. Zainab maseh mentah. Dia ta’ tahu dengan senyuman-nya yang begitu murah-bölelah meruntokhan sa-buah mahligai yang terbena kokoh. Sa-balek-nya pula

kalau dia masam2 dan tidak patoh kepada 'tuan'-nya mungkin dia akan kehilangan tempat berlindung hidup. Dia mungkin akan di-berhenti kerja. Kalau ini-lah berlaku akan sengsara-lah hidup-nya dan akan tertutup pula-lah peluang-nya untuk membantu nenek-nya yang telah tua dan sakit2 di-kampung.

Sejak diam bersama2 Musa dan Salmah, Zainab telah menganggap rumah itu sebagai rumah-nya sendiri juga. Dia merasa lebeh beruntung kerana dapat mengirim sa-paroh dari gaji-nya kepada nenek-nya di-kampung. Dia benar2 sayang pada Musa dan Salmah atas belas kasehan kedua suami isteri itu.

Tapi sayang dan malang Musa tidak dapat menganggap Zainab sebagai adek-nya, sa-bagaimana yang di-rasa oleh isteri-nya. Dengan sechara rahsia dia tertarek kepada kegenitan Zainab. Dan dengan pimpinan Iblis agak-nya dia telah mengugut dan merayu Zainab. Musa telah kehilangan pertimbangan. Kaseh sayang yang sa-lama ini menjadi hak milek isteri-nya Salmah, kini telah terpaksa di-bahagi-nya sa-paroh kepada Zainab.

Sabagai sa-orang manusia biasa, sabagai sa-orang gadis yang baru menjengah alam rumaja dan ta' pernah bergaul dengan lelaki, Zainab ta' dapat menolak godaan Musa. Satu perasaan yang pelek dan nikmat telah meresapi seluroh anggota-nya yang kechil molek itu bila berada di-samping Musa.

Walau pun ada juga hati kechil Zainab membisek, supaya dia jangan mahu menyerah kepada Musa, namun

akhir-nya dia karam juga dek gelombang perasaan yang maha hebat itu. Begitu-lah perhubungan di-antara tuan dan orang gaji-nya itu, kian hari kian mesra. Kepulangan Musa pada petang itu mengeratkan lagi perhubungan mesra di-antara mereka perhubungan rahsia!

SENYUM DALAM TANGISAN

Salmah pada petang itu bukan-lah bertugas *extra duty* saperti yang di-katakan-nya pada tengah hari tadi. Sa-benar-nya dia pergi membuat penyiasatan – tentang diri-nya sendiri. Dia berjumpa doktor. Tidak berapa minit kemudian tuan doktor telah mengesahkan bahawa sa-benar-nya-lah Salmah sedang berbadan dua. Lapang hati-nya, tenteram jiwa-nya, hilang segala churiga yang bermain di-sudut hati-nya. Sa-telah menguchap terima kaseh kepada tuan doktor Salmah melangkah pulang dengan senyum gembira terukir di-bibir-nya. Dia akan terus pulang ka-rumah-nya kerana tadi guru besar-nya mengizinkan dia balek.

Mula-nya Salmah hendak naik teksi tapi bila di-lihat-nya jam di-tangan-nya baru menunjukkan pukul tiga lima belas, dia ta' jadi. "Lebeh baik aku naik bas," kata Salmah sendirian, kerana tidak jauh dari rumah-nya ada sa-buah perhentian bas.

Dia naik bas. Hati-nya chukup riang! Petang nanti akan di-kehabarkan-nya berita gembira itu kepada suami-nya. Musa tentu gembira, Zainab pula tentu suka. Ah, memang hidup ini penoh nikmat.

Tapi mengapa pula hati-nya berdebar2? Ada-kah kerana terlalu riang hendak menyampaikan berita itu kepada suami-nya dan Zainab, maka jantung-nya bergonchang bagitu kenchang? Atau kerana ah, entah-lah, keloh-nya. Bas berhenti. Salmah turun bersama beberapa orang penumpang lain.

Salmah melangkah chepat menuju ka-pekarangan rumah-nya. Tiba2 seperti ada halilintar membelah bumi layak-nya Salmah tersentak! Langkah-nya mati di-situ. Seluroh tenaga-nya hilang entah ka-mana. Mimpi-kah dia! Di-gosok-nya mata beberapa kali. Benar itu kereta suami-nya di-depan tangga!

Perlahan-lahan Salmah mengangkat kepala-nya. Pintu rumah-nya tertutup rapat. Dengan serta merta hati-nya menjadi kechut, badan-nya menggigil. Peloh sejok merchek membasahi dahi-nya.

Di-gagahi-nya kaki-nya melangkah mara, menaiki tangga, tangga yang pada masa itu di-rasa-nya ada duri2 bisa menchuchok kaki-nya. Lama dia terpampang di-muka pintu, ta' tahu apa yang hendak di-buat-nya. Fikiran-nya bagitu beku, dada-nya bagaikan pechah. "Ta' mungkin, ta' mungkin!" jerit suara yang ta' mahu keluar dari kerongkong-nya.

Akhir-nya pintu di-ketok beberapa kali. Senyap tiada jawapan. Di-ketok-nya sa-kali lagi sambil menyeru, "Zainab, buka pintu Nab." Beberapa sa'at berlalu, kemudian baru ada jawapan dari dalam.

“Tunggu kejam kak,” jauh bunyi suara itu. Kedengaran bunyi tapak kaki melangkah ka-ruang tengah. Pintu terbuka luas! Salmah terdiri kaku! Di-renong-nya wajah Zainab dengan penoh tanda tanya.

“Enche Musa ada di-dalam kak. Dia baru saja balek. Kata-nya dia sakit kepala. Saya sedang masak ayer nak buat teh kak,” terjun kata2 penerangan dari mulut Zainab, tanpa menanti soalan. Salmah maseh memandang Zainab tepat2. Zainab terhenti kerana di-rasa-nya pandangan itu tepat menikam jantung-nya. Dia menepi bila di-lihat-nya Salmah melangkah masuk, maseh belum berkata sa-patah pun.

Salmah terus masuk ka-bilek-nya. Di-katil terbaring Musa, di-pelipis-nya bertampal dua potong *koyok*. Mata-nya pejam.

“Awal juga kau balek Sal?” tegor-nya waktu Salmah masuk. Salmah tidak menjawab. Musa menyambong lagi, “Abang terpaksa pulang awal tadi Sal, sebab kepala abang ni pening benar-lah.”

“Sal dah tahu, Zainab dah terangkan,” kata Salmah dengan nada yang mengandong sa-ribu ma’ana. Susah juga Musa hendak memahamkan-nya.

“Bagaimana Sal dapat pulang awal petang ni?”

“Guru besar suroh Sal balek saja,” potong Salmah chepat.

“Dengan apa Sal pulang tadi?” Musa ingin tahu.

“Dengan bas,” Salmah menjawab ringkas, sambil menyimpan beg tangan ka-dalam almari, lambat2. Dia berusaha untok tidak menunjokkan perasaan churiga-nya. Sejak dulu lagi dia sudah menaroh sa-penoh keperchayaan kapada suami-nya. Apa lagi yang mesti di-ragukan? Suami-nya balek ada sebab-nya. Dia sakit kepala. Apa itu tidak lojik sabagai alasan? Berperang hebat perasaan Salmah pada sa’at itu.

Walau bagaimana pun Salmah ada-lah sa-orang perempuan yang kuat azam-nya, tegoh pendirian-nya. Dia dapat menahan dan menyembunyi kegelisahan bathin-nya di-sebalek senyuman. Ya, dia boleh senyum dalam tangisan! Dia mengambil botol *Aspro* yang terletak di-atas almari chermin-nya.

“Makan-lah dua biji *Aspro* ini bang,” kata-nya. “Zainab! Bawa ayer sejok sa-gelas,” teriak-nya lagi. Zainab tergesa2 datang membawa sa-gelas ayer, kemudian berundur tanpa sa-patah kata.

Dengan mengerutkan kening-nya Musa terpaksa menelan dua biji *Aspro* yang di-unjokkan oleh Salmah kapada-nya. Dia terbatok2 kecil.

“Ala abang ni macham budak2, takut sangat makan ubat,” kata Salmah yang dudok di-tepi katil itu. Dia menyambut gelas kosong dari tangan Musa. Mereka sama2 ketawa, walau pun dalam hati masing2 hanya Tuhan saja yang maha mengetahui.

Suasana di-meja makan malam itu agak tegang. Masing2 diam, sebek melayan fikiran sendiri. Zainab nampak-nya chuma bermain2 saja dengan pinggan-nya. Salmah menchuri pandang dari sa-orang insan kapada sa-orang insan lain. Selera-nya hilang langsung.

Musa tundok menyuap nasi ka-mulut-nya bertubi2, sa-olah2 dia hendak segera kenyang dan lari dari suasana sunyi yang bagitu menakutkan.

Sa-bentar saja makan malam selesai. Musa terus masuk ka-bilek tidor. Salmah dudok di-ruang tengah, memereksa buku2 kerja murid2-nya, dan membuat rengkasan mengajar untuk hari esok. Zainab pula sebek di-dapor, menchuchi pinggan mangkok.

Siap kerja di-dapor Zainab masuk ka-bilek-nya. Salmah maseh dudok sa-orang. Di-hadapan-nya buku rengkasan-nya maseh terbuka dan belum bertulis apa2. Mata-nya mulai mengantok, tapi hati-nya enggan benar hendak masuk tidor. Entah mengapa kalau di-malam2 lain bilek itu di-anggap-nya sabagai pusat kebahagiaan hidup-nya, tapi malam ini sa-olah2 ada neraka yang akan menghanchor leboran, tersembunyi di-situ. Dia mengeloh beberapa kali.

Salmah mengingat kembali betapa riang hati-nya siang tadi, betapa memunchak keinginan-nya hendak memberi tahu suami-nya tentang kandungan-nya. Telah di-bayangkan-nya betapa gembira-nya Musa bila mengetahui yang dia tidak lama lagi akan menjadi ayah. Tapi kini hasrat itu telah pun padam — padam meninggalkan hati-nya gelap di-landa duka. Pedeh benar perasaan-nya.

Salmah chuba menenteramkan hati-nya. Dia menchapai pen dan chuba menchatet sesuatu ka-dalam buku rengkasan-nya tapi sia2. Otak-nya terasa beku. Buku itu hanya di-tatap-nya sa-olah2 ada gambaran peristiwa siang tadi tertayang di-situ.

Jam di-dinding berbunyi dua belas kali. Salmah menutup buku rengkasan-nya yang maseh belum bertulis apa2 di-muka surat-nya untuk hari esok. Di-masokkan-nya saja buku itu ka-dalam beg-nya. Walau pun hati-nya berat benar hendak masok ka-bilek tidor, tapi di-gagahi-nya juga. Perlahan2 dia menutupkan api.

Dia masok ka-bilek-nya dan berhati-hati benar supaya suami-nya tidak terganggu. Entah mengapa perasaan-nya bagitu ganjil. Dia takut menyentoh badan suami-nya. Dia baring perlahan2 dan menyelimut badan-nya dengan sa-helai kain chadar. Dia ta' mahu menyentoh kain selimut yang menutupi badan suami-nya.

Salmah chuba memejam mata rapat2 dengan harapan tidor segera tiba. Tapi sia2 saja. Di-benak-nya berligat berbagai peristiwa yang telah berlaku beberapa malam yang lalu, juga peristiwa hari itu tadi. Apa ada-kah kaitan-nya? Sudah lebeh sa-tahun Zainab tinggal bersama mereka, Salmah ta' pernah menaroh perasaan chemburu. Pada sa'at itu pun dia tidak chemburu, kata hati Salmah. Tapi kalau-lah telunjuk menchuchok mata? Apa-kah yang harus di-buat? Dapat-kah dia hidup berchermin bangkai?? Atau mesti-kah dia mati berkorban???

“Ah agak-nya aku ni hanya membodoh diriku,”

Salmah menimbang sa-mula. “Apa salah-nya suami ku pulang awal kerana dia sakit kepala, dan apa pula salah-nya bangun merokok di-tengah malam dengan ta’ membuka api?” Salmah menempelak diri-nya. “Berdosa aku menyangka yang bukan2 terhadap suami ku. Suami ku jujur orang-nya. Ta’ mungkin dia sanggup menduakan aku. Pagi esok akan ku beri tahu abang Musa tentang kandungan ku. Dia akan gembira.” Salmah mengambil keputusan dan mulai menguap beberapa kali. Mata-nya sudah mulai tertutup. Fikiran-nya sudah mulai tenang, bersedia untuk mengembara di-alam mimpi.

MUSNAH DI-MALAM DURJANA

Dari ruang tengah, sayup2 terdengar bunyi jam berdeting dua kali. Sudah jam dua pagi! Salmah mulai terlayang. Tiba2 Musa mulai bergerak. Dia bangun perlahan2. Salmah tahu Musa memerhati ka-arah-nya sa-ketika. Kemudian, penaka sa-orang penchuri, dia berginjat2 ka-pintu.

Salmah membatukan diri. Dia terus 'tidor' dengan mata yang terbuka sa-belah. Jantong-nya berdenyut kuat. Puas di-tahan-nya denyutan itu tapi mustahil. Dia kaku di-tempat-nya.

Ta' berapa sa'at kemudian terdengar satu ketokan pintu yang halus, serta: "Zainab, Zainab, buka pintu ni Nab!" bisek suara Musa. Sudah sah dan nyata! Badan Salmah menjadi lemah sa-lemah2-nya. Ayer-mata-nya mengalir masuk ka-lubok hati-nya, menyebabkan hati itu bengkak dan bisa tidak terkira. Salmah dudok perlahan2. Bagi-nya dunia ini sudah hanchor, sudah musnah di-malam durjana ini.

"Nab, apa yang nak kau chakapkan pada abang siang

tadi?” suara Musa di-bawa oleh udara malam itu ka-telinga Salmah, menyebabkan peloh sejok merchek keluar dari tiap2 roma-nya. Hati-nya menjadi kechut. Jantong-nya menjadi sejok penaka ayer batu.

“Katakan chepat Nab, abang ta’ dapat tidor selagi tidak mengetahui-nya,” Musa bersuara lagi. Belum ada jawapan. Chuma sedu sedan saja terdengar sayup. Beberapa sa’at berlalu.

“Bang,” suara Zainab. “Bang, Zainab sekarang dah mengandong bang.” Mahu rasa-nya Salmah mati di-telan kegelapan malam yang durjana itu. Di-tangkupkan-nya kedua belah tangan-nya ka-muka-nya, untuk menahan isakan tangisan-nya.

“Apa-kah yang mesti kita buat bang?” suara Zainab menyambong lagi, “alang-kah hanchor-nya hati kak Sal, kalau dia tau perkara ini. Kita berdosa bang, kita berdosa.” Musa tidak menjawab segera.

“Abang, ta’ sampai hati Nab nak meluka hati kak Sal. Dia sangat sayang pada Nab. Chari-lah jalan keluar bang.” Zainab merayu dengan suara yang terputus-putus. Senyap sa-ketika. Musa maseh membisu.

“Bagaimana kalau kita . . . buangkan saja kandungan Nab ni bang?” Zainab membuat chadangan untuk keluar.

“Jangan Nab, jangan,” Musa bersuara sa-telah membisu begitu lama. “Biar abang chari jalan keluar, jalan damai,” sambong Musa sambil menarek nafas panjang. “Sudah-lah

Nab, usah menangis lagi. Abang ta' kan mensia2kan kau."

"Tapi" Zainab ragu.

"Abang akan menchari jalan yang boleh menyelamatkan rumah-tangga ini dari berkechai Nab," potong Musa. "Abang berdoa semoga kak Sal kau dapat memaafkan abang. Abang harap dia akan faham atas sikap abang ini, Nab."

"Ta' mungkin kakak mahu memaafkan kita bang." Tangis Zainab agak meninggi.

"Sabar-lah dulu Nab. Dengar sini Nab, abang mahu anak tapi kak Salmah kau belum berjaya memberi abang sa-orang anak," Musa memberi alasan demi hendak menegak benang basah-nya.

Ingin rasa-nya Salmah menjerit, melaporkan yang dia sekarang sedang mengandong anak yang di-hajati oleh suami-nya itu. Tapi sayang nasi sudah menjadi bubor! Sa-lautan ayer zam zam ta' kan dapat memberseihkan noda yang meliputi badan suami-nya. Dia jijek mendengar alasan Musa yang begitu tipis, mengata diri-nya tidak berjaya memberi-nya sa-orang anak! Apa benar-kah keinginan hendak mempunyai anak yang mendorongkan Musa menchabuli kesuchian hidup dan kebahagiaan rumah tangga mereka. Tidak, Salmah tidak perchaya itu sebab-nya.

"Zainab," suara Musa memberhentikan Salmah dari rintehan bathin-nya. "Abang fikir lebeh baik kau minta chuti dari kak Sal kau Nab dan balek-lah dulu ka-kampung. Pasal belanja mu kelak abang kirimkan," Musa berchadang.

“Tapi Nab takut nenek Nab marah bang,” suara Zainab maseh membayang keraguan nya.

“Jangan kkuatir Nab, abang perchaya dia akan faham bila abang terangkan segala2-nya kelak. Perchaya-lah pada abang. Abang tetap akan mengambil kau sabagai isteri abang,” Musa menujuk.

Chuma sa-takat itu saja perbualan mereka yang dapat Salmah ikuti. Dia rebah sa-mula ka-atas bantal-nya, tenggelam dalam lautan penderitaan bathin yang maha dahshat. Dalam alunan ombak perasaan yang bagitu hebat dapat juga dia mengambil keputusan dan ketetapan hati.

Salmah tahu suami-nya menchari, dan kini telah mendapat kebahagiaan di-samping Zainab. Biar-lah dia terus tinggal dalam kebahagiaan itu. Dia akan berkorban untok suami-nya. Dia tahu sekarang segala2 di-antara dia dan Musa sudah putus – sudah musnah! Segala2-nya tiada lagi.

Salmah terjaga sa-mula bila jam berbunyi enam kali. Di-dapor Zainab sebok menyediakan sarapan pagi. Musa maseh tidor nyenyak.

Salmah bangun dan terus ka-bilek ayer. Kepala-nya pening rasa di-baji dek kurang tidor semalam. Hati-nya pedah benar bila mengingatkan peristiwa yang paling pahit pernah di-rasai-nya sa-umor hidup.

Siap mandi manda Salmah masok sa-mula ka-bilek tidor. Musa maseh terlena di-alam mimpi-nya. Salmah

memerhati wajah suami yang sangat2 di-hormati-nya itu lama2. Ayer mata-nya berlenang. “Abang”, bisek hati-nya, “Sal ta’ sangka abang sanggup mengechewakan hati Sal. Sal ta’ duga yang abang tergamak memberi kaseh sayang yang Sal amanahkan pada abang kapada orang lain.”

Musa bergerak dan miring ka-sabelah, tidor lagi. Chepat2 Salmah mengesat ayer mata-nya dengan kain tuala mandi yang menutupi badan-nya. Dia ber‘azam hendak mengambil tindakan dengan chara-nya sendiri. Di-bulatkan-nya tekad-nya dan di-putuskan-nya fikiran-nya – ya, dia akan bertindak.

“Bang!” seru Salmah sambil merapati badan suami-nya yang maseh tidor itu. “Bangun bang, dah pukul tujuh suku ni bang.”

Musa membuka mata-nya dan menggeliat. “Ah lambat abang bangun pagi ini Sal,” kata Musa sambil menguap. Salmah chuma senyum tawar.

Pagi itu Zainab tidak menghadap sarapan bersama2 saperti biasa. Dia nampak-nya sebok benar di-dapor. Salmah faham. Dia tidak berbuat apa2 yang boleh men-churigakan perasaan suami-nya.

Selesai sarapan Salmah bersiap hendak pergi kerja. Tiba2 Zainab datang dudok di-sisi-nya. Kepala-nya tundok. Mata-nya tertumpu ka-lantai yang belum bersapu itu.

“Kak,” kata-nya perlahan sa-olah2 takut hendak

bersuara, “kalau boleh Nab nak minta chuti kak. Nab rindu nak tengok nenek di-kampong.”

Salmah tersenyum – entah manis, entah pahit, entah tawar senyuman itu tiada siapa yang dapat menganalisa. Musa gelisah.

“Sabar-lah dulu Nab, tunggu-lah sampai sekolah kak Sal kau tutup,” Musa menchelah sa-belum Salmah memberi jawapan apa2.

“Ta’ apa-lah bang, Zainab memang perlu chuti dan berehat.” Puchat muka Musa mendengar kata2 Salmah itu. Dia memandang wajah isteri-nya tepat2 – wajah itu tenang sa-tenang2-nya. Musa binggong!

“Biar-lah dia balek ka-kampong bang, Sal kasehan melihat Zainab bekerja ta’ putus2 di-rumah ini,” sambong Salmah.

“Tapi siapa nak masak?” Musa memberi alasan dengan nada yang ‘marah’. Salmah tersenyum penoh mengerti.

“Sal boleh buat sendiri bang, buat sementara. Lagi pun Zainab balek ka-kampong bukan-nya untok sa-lama2, kan bagitu Nab?”

“Ya kak chuma untok sa-hari dua saja,” kata Zainab maseh tertundok. Dia takut hendak menentang mata Salmah.

“Kalau bagitu suka hati kau berdua-lah,” kata Musa sambil mengangkat bahu-nya tanda mengalah, atau berjaya???

“Tapi Nab,” kedua2 Musa dan Zainab serentak memandang kapada Salmah, “. tunggu-lah hingga minggu depan lepas terima gaji,” sambong Salmah lambat2.

“Ta’ apa-lah kak, duit Nab bulan lalu pun ada lagi dan chukup untok tambang.”

Salmah tidak segera menjawab. Di-minum-nya kopi yang maseh ada sadikit di-dalam chawan-nya itu habis2. Kemudian di-renong-nya chawan yang telah kosong itu tepat, sa-olah2 chawan itu melambangkan kekosongan hati-nya di-sa’at itu.

“Bukan soal duit tambang Nab,” kata Salmah, pandangan-nya maseh terlekat ka-dalam chawan yang kosong itu. Musa berkisar dari tempat dudok-nya. Zainab menggigit bibir-nya menahan chemas.

“Tapi” sambong Salmah, “kakak nak minta tolong Nab sikit-lah.”

“Tolong apa kak?” Zainab agak hairan.

“Kakak nak buat kenduri sikit,” terang Salmah.

“Kenduri?” serentak pertanyaan itu keluar dari mulut Musa dan Zainab. “Kenduri apa Sal?” Musa meneruskan.

“Nak makan aruah sikit bang, semalam Sal bermimpi datok Sal datang bang, kasehan Sal melihat-nya.” Musa tersenyum lega mendengar penjelasan isteri-nya itu.

“Baik-lah kak,” Zainab mengeloh — lapang!

Dalam masa sa-minggu itu Salmah sibok benar. Entah apa yang di-uruskan tiada siapa yang tahu. Sa-tiap petang balek dari kerja ada2 saja yang di-belikan-nya: baju untok Zainab balek ka-kampong, kain chadar, kain untok sampol bantal, beg kain baju, kain langsir dan lain2 lagi. Musa hairan tapi dia takut hendak bertanya.

“Kita nak jemput orang ramai, ta’ kan-lah nak pakai barang2 lama,” kata Salmah pada satu hari kepada Zainab. Kedua-nya sebok sa-panjang hari. Musa chuma menurut saja kehendak2 Salmah.

“Buat apa nak jemput orang banyak2 Sal,” kata Musa bila melihat senarai nama2 orang yang hendak di-jemput oleh Salmah.

“Kita bukan-nya selalu kenduri bang. Sa-lama dua tahun kita kahwin ini-lah kali pertama kita nak buat kenduri. Buat-lah istimewa sikit,” kata Salmah dengan nada yang manja. Dia ketawa. Musa ketawa juga.

Hari yang telah di-tetapkan tiba. Para jempunan datang berduyun2. Di-wajah masing2 terlukis perasaan muhibbah. Tetamu di-sambut oleh Salmah dan Musa dengan hormat dan ramah-tamah. Rokok dan sireh di-peredarkan.

Sa-telah berbual2 mesra beberapa ketika, Tok Haji

dan Tok Lebai pun hendak memulakan majlis itu. Mereka pun bertanya-lah kapada tuan rumah akan maksud kenduri itu.

“Ini kenduri aruah” kata Musa sambil ketawa.

“Tidak bang!” lantang suara Salmah dari dalam. Dia segera keluar memimpin tangan Zainab yang sedang kebingungan. Orang2 yang ada di-situ hairan terchengang. Musa terperanjat besar. Dia chuma dapat memerhati gerak geri Salmah. Suara-nya ta’ dapat keluar. Suasana majlis yang ramai itu menjadi senyap sa-senyap2-nya.

Salmah membawa Zainab dudok berhadapan dengan ketua kampung dan tuan Imam di-bandar itu. Dengan suara yang penoh ke’azaman Salmah menerangkan maksud-nya yang sa-benar-nya.

“Tok Imam,” dia memulakan, “sa-benar-nya kenduri ini ada-lah kenduri perkahwinan di-antara suami saya dan Zainab ini. Dan ini surat wali yang saya dapati dari Tuan Hakim, kerana Zainab ni ta’ ada bapa.” Suasana menjadi gempar. Musa tundok ta’ dapat berkata apa2, kening-nya berkerut menahan rasa – marah? Takut? Malu? Entah apa-kah yang di-rasa di-sa’at itu. Zainab menangis sa-kuat2 hati-nya, tapi Salmah tenang, sa-tenang2-nya.

“Mengapa Sal, mengapa kau buat abang bagini?” Lama baru Musa dapat mengeluarkan perkataan itu.

“Tidak kak tidak,” jerit Zainab.

“Ada apa2-kah ini Che’ Salmah?” tanya Tok Imam.

“Tidak Tok, saya ikhlas,” tegas Salmah. Dia berpaling kepada suami-nya. “Abang, kahwinikan-lah Zainab ni bang, Sal rela dan ikhlas. Abang usah churiga.” Musa tundok, mungkin perasaan kesal kini membalun hati-nya. Tapi apa nak di-buat – nak di-lawan kehendak Salmah mungkin ‘rahsia’ yang bagitu burok terbongkar di-hadapan orang2 yang di-segani ini. Salmah memandang Zainab dan berkata:

“Nab, usah menangis Nab, kakak izinkan sudah abang Musa memperisterikan kau Tok Imam silakan, saya sudah merelakan.” Terpegun sa-jenak majlis itu melihat sikap Salmah yang bagitu tegas.

Zainab menyembamkan muka-nya ka-pangkuan Salmah. Tangis-nya menjadi2. Salmah mengusap2 rambut Zainab sementara Musa berjabat tangan dengan Tuan Imam. Di-ruang tengah banyak tetamu2 yang sa-jenis dengan Salmah mengeluarkan ayer mata, terharu oleh peristiwa yang bagitu menyayat hati.

MEMBAWA HATI YANG TERGURIS

Sa-telah para tetamu bersurai, tinggal-lah Salmah, Musa dan Zainab. Kini petang menjelang senja. Alam mulai bersedia untok berehat. Kichak kichau burung senja memenohi suasana di-samping deru derau-nya kereta2 yang melintas sa-kali sa-kala di-hadapan rumah itu.

Zainab di-dapor. Entah apa-kah yang di-buat-nya. Musa dudok2 di-ruang tengah. Kesalan-nya memunchak. Dia kesal – kesal menghanchorkan sa-keping hati yang bagitu jujur dan ta'at kapada-nya. Tapi apa boleh buat, kini nasi dah menjadi bubor. Sa-lautan ayer mata penyesalan ta' kan dapat membersehkan sa-mula noda yang telah menchemarkan kesuchian bathin-nya. Walau bagaimana pun Musa ber'azam hendak memberi sa-adil2 kebahagiaan kapada kedua2 isteri-nya.

Alang-kah terperanjat-nya Musa apabila Salmah keluar dari bilek-nya, siap berpakaian, membimbing sa-buah beg kechil yang baru di-beli-nya beberapa hari yang lalu. Terlepas rokok dari tangan Musa. Dia terchengang – hilang kekuatan-nya untok berkata2!

“Bang ampunkan-lah dosa Sal bang, halalkan-lah makan

dan minum Sal sa-lama bersama abang,” Salmah bermadah sayu, suara-nya putus2. Tangan Musa di-pegang-nya erat2 lalu di-chium-nya. Musa choba hendak berchakap tapi lidah-nya terasa kelu, kerongkong-nya bergerak2 dada-nya berombak kenchang, namun sa-patah kata pun ta’ dapat keluar menerusi mulut-nya di-sa’at itu. Wajah Salmah di-renong-nya tepat2.

Belas benar hati Salmah melihat suami-nya yang sedang lemas di-hempas gelombang perasaan sedah itu, tapi hati-nya juga sudah terguris, harapan bahagia-nya sudah hanchor berkechai. Kini tekad-nya sudah bulat. Dia tidak akan surut oleh perasaan kemanusiaan-nya.

“Sal pergi bang, pergi membawa sa-ribu kenangan manis, pergi membawa kepingan2 hati yang telah tiada, membawa kebahagiaan yang sudah musnah.” Salmah mengangkat muka-nya dan memandang suami-nya. Di-wajah itu tergambar kesedehan dan kesalan yang tidak berkesudahan.

“Berbahagia-lah abang dan Zainab. Sal tau diri Sal ta’ dapat memberi kebahagiaan yang sa-wajar-nya kepada abang.” Musa maseh belum berkuasa hendak menggerakkan lidah-nya. Chuma tangan Salmah saja di-pegang-nya kuat, sa-olah2 ta’ akan di-lepaskan-nya. Pandangan-nya tepat ka-wajah isteri-nya sa-olah2 meminta belas kasehan. Suasana menjadi lengang sa-ketika.

“Sal” suara Musa menggeletar, “Sal maafkan-lah abang Sal. Abang tau abang telah berdosa pada mu juga pada Tuhan.”

Salmah menggeleng2 kepala-nya, ayer mata-nya mengalir perlahan2. “Abang, kesalahan abang sudah lama Sal maafkan, tapi Sal terpaksa pergi juga bang.”

“Jangan pergi Sal, jangan tinggalkan abang,” rayu Musa dengan penoh perasaan. “Kasehani-lah abang Sal, kasehani-lah abang.”

Pada sa’at itu juga Zainab berlari2 dari dapur mendapatkan Salmah. “Jangan tinggalkan Nab kak,” Zainab meratap sambil menchiom kaki Salmah. “Ampunkan-lah Zainab kak, jangan tinggalkan Nab kak.”

“Tidak Nab, kakak terpaksa meninggalkan kau dan abang Musa.” Salmah bangun dan berdiri lurus2. Dia memandang ka-suatu arah dengan pandangan yang tidak berkelip2. Di-kaki-nya Zainab maseh lagi meratap meminta belas kasehan dari-nya.

“Zainab, anggap-lah kakak saperti orang yang telah tiada lagi Nab dan tidak pernah hidup di-muka alam ini,” Salmah berkata dengan nada yang tegas.

“Sungguh2-kah kau hendak meninggalkan abang Sal?” Musa memegang tangan Salmah sa-mula. “Kau dah benar2 ta’ sayangkan abang lagi Sal, kau dah ta’ kasehan lagi pada Zainab?”

“Abang” sayu dan pilu suara Salmah,” kerana Sal kasehan abang dan kasehankan Zainab-lah maka Sal mengambil keputusan ini bang. Sal ingin kedamaian. Kaseh sayang dan kemesraan yang pernah abang churahkan

pada diri Sal akan tetap menjadi kenangan Sal ka-akhir hayat. Biar-lah bang, biar-lah Sal pergi membawa hati yang telah terguris ini.” Lanchar dan pitah Salmah bermadah.

“Kalau ia pun Sal, tunggu-lah hingga esok Sal.” Menitis ayer mata Musa di-waktu itu.

“Tidak bang, esok ta’ kan tiba bagi diri Sal,” Salmah menggigit bibir-nya menahan pilu.” Selamat tinggal bang, Nab, kakak pergi Nab. Selamat tinggal.” Salmah menchapai beg-nya dan memandang keliling-nya, bagi kali yang akhir.

Walau pun Zainab memelok kaki-nya dengan ratap tangis, walau pun Musa menahan-nya bersungguh2 namun Salmah tetap dengan pendirian-nya. Dia keluar meninggalkan segala2 yang pernah menjadi hak milik-nya, segala2 yang pernah di-kasehi-nya.

X X X

Sa-habis saja cherita-nya Salmah menarek nafas panjang. Kamaruzaman turut mengeloh. Pedeh benar hati-nya.

“Mak tidak-kah mak pernah beri tau ayah yang mak sedang mengandong?” Kamaruzaman ingin tahu.

“Tidak nak, mak rasa ta’ ada guna-nya lagi. Mak ta’ mau kaseh sayang ayah mu berbelah bagi nak. Bagi mak chuma satu; sama-ada mak memiliki kaseh itu atau kehilangan-nya sama sekali. Lagi pun mak ta’ mau menyusahkan ayah mu. Mak tau hilang-nya mak ganti-nya ada – tapi kalau dia tahu dia kehilangan kau tentu ayah mu sakit merindu.” Salmah bangun dan menutup jendela. Malam bertambah larut.



"Ampunkan-lah Zainab kak, jangan tinggalkan Nab kak."

“Mak . . . ka-mana-kah mak pergi sa-telah meninggalkan ayah?” Mak ta’ balek ka-kampung mak?” Mendengar pertanyaan Kamaruzaman itu Salmah dudok sa-mula di-kerusi-nya. Dia tahu anak-nya itu ta’ kan berpuas sa-lagi riwayat hidup-nya itu belum selesai di-ketahui-nya.

“Tidak Zaman, bukan ta’ ada keinginan mak nak balek kapada orang tua mak, tapi” suara Salmah terputus menahan sedeh. “Tapi mak malu Zaman, malu kerana gagal dalam menjalani hidup yang telah mak sendiri pilihkan itu. Mak malu pada ayah dan ibu mak, juga masharakat kampung mak.”

“Jadi mak terus-lah ka-Kuching ni mak?”

“Ya mak sudah sediakan tiket kapal China untuk pergi ka-sini. Sa-belum itu mak sudah berhubong dengan makchik Mariam kau tu,” Salmah menyambung lagi, “Mak dan makchik Mariam kau bersahabat baik sejak kami menuntut di-Kolej Latehan Batu Lintang dulu. Dia dan suami-nya-lah yang banyak benar menolong kita Zaman. Ta’ dapat nak mak balaskan jasa baik mereka tu.”

Kamaruzaman maseh ingat benar betapa kaseh-nya makchik Mariam dan pakchik Sulaiman kapada-nya sa-masa dia dan mak-nya tinggal bersama mereka dulu. Ta’ pernah kedua suami isteri itu membezakan dia dari anak2 mereka sendiri.

Sa-telah Kamaruzaman dapat kerja, Salmah telah berkeras hendak pindah ka-rumah sewa Che’ Sulaiman

yang kecil di-belakang rumah-nya yang mereka diami sekarang. Dia juga mendesak membayar sewa-nya sa-banyak dua puluh lima ringgit sa-bulan, walau pun Che' Sulaiman suami isteri enggan menerima-nya.

“Jangan begitu bang Leman, abang dan Yam dah banyak benar menolong Sal dan Zaman. Kali ini Sal minta bersungguh² supaya pemberian ini abang dan Yam terima,” demikian Salmah mendesak suami isteri yang berbudi itu. “Lagi pun,” sambong-nya, “abang dan Yam patut benar-lah merasa pendapatan Zaman. Dia pun, boleh-lah di-katakan anak abang dan Yam juga.” Dengan perasaan yang terharu Che' Sulaiman dan isteri-nya Che'gu Mariam mengalah.

Kini alam sa-makin sunyi. Salmah bangun dari kerusi-nya. “Dah jauh malam ni Zaman, pergi-lah masuk tidor nak,” kata-nya.

Kamaruzaman bangun kemudian dudok sa-mula. “Ada satu lagi mak,” kata-nya.

“Emmm, apa dia,” tanya si-ibu.

“Beri-lah Zaman melihat gambar ayah, mak,” rayu-nya.

Berat benar nampak-nya Salmah hendak mempersetujui permintaan anak-nya itu. Kemudian, “Baik-lah Zaman, biar mak ambilkan, mak ingat mak chuma ada sa-keping gambar itu.” Dia masok ka-bilek tidor-nya. Kamaruzaman menanti – menanti akan menatap wajah ayah-nya buat

kali yang pertama. Hati-nya berdebar2.

“Nah ini gambar-nya Zaman.” Anak muda itu menyambut gambar yang di-unjokkan oleh ibu-nya dengan tangan yang menggeletar. Gambar yang besar-nya empat inchi dan panjang-nya lapan inchi itu sudah kuning dek menemopoh masa yang bagitu lama dalam simpanan. Kamaruzaman membawa-nya lebeh dekat ka-muka-nya. Terpapar sahaja wajah yang tertera dalam gambar itu menyebabkan Kamaruzaman sa-paroh menjerit.

“Apa! Ini ayah Zaman?” kata-nya penoh ta’jub. Dia memerhati gambar itu dengan mata yang terbeliak.

“Kenapa Zaman, kenapa kau terperanjat?” tanya ibu-nya kehairanan.

“T . . . t . . tidak mak, tidak ada apa2. Ah, Zaman dah mengantok ni mak,” kata-nya sambil bangun dan menghulurkan gambar itu balek kapada ibu-nya.

Kedua beranak itu pun beredar ka-bilek masing2. Di-luar embun jantan mulai turun membasahi daun2 yang kekeringan siang tadi dan menyejokkan kelopak2 bunga yang baru mengorak mekar. Ayam jantan mulai berkokok sayup dan merdu.

Sungguh pun malam sudah bagitu tua, namun Kamaruzaman maseh belum dapat melelapkan mata-nya. Dia gelisah. “Ajaib!” kata-nya sa-orang diri. Dia maseh ingat benar akan peristiwa yang berlaku siang tadi di-pejabat-nya.

Ini-lah yang menyebabkan dia gelisah.

Sa-orang ketua pejabat yang baru bertukar ka-Kuching dari Limbang telah tiba pagi tadi, kerana mengambil alih kerja dari ketua pejabat-nya yang hendak bersara bulan depan. Nama ketua baru itu pun Musa! Berumor kira2 empat puluh lima tahun, maseh segak orang-nya. Rupa-nya salin ta' tumpah wajah ayah-nya dalam gambar yang di-tatap-nya sa-bentar tadi. Mungkin-kah pelandok dua sa-rupa, atau takdir menyatu sa-mula? Entah-lah fikir Kamaruzaman.

Waktu ketua pejabat-nya tadi mengenalkan pegawai baru itu kepada kaki tangan pejabat itu satu keanehan telah berlaku.

“Ini,” kata ketua pejabat-nya, “Kamaruzaman bin Musa Zaman ini ketua pejabat kamu yang baru, Enche Musa.” Kamaruzaman segera menghulur tangan-nya. Segera pula di-sambut oleh ketua baru itu.

“Agak-nya ini anak saya,” gurau Enche Musa, sambil memegang tangan Kamaruzaman erat2. Mereka semua ketawa ria mendengar lawak pegawai baru itu. “Tapi,” keloh-nya lagi, “sayang-nya saya ni ta' pernah ada anak.”

“Kalau begitu tuan rugi-lah saya ni,” Kamaruzaman pula berjenaka. Ketawa Enche Musa sa-makin meninggi.

Ada-kah keluchuan ini hanya sechara kebetulan saja? Bisek hati Kamaruzaman. Walau bagaimana pun dia tertarek benar kapada keramahan ketua pejabat baru itu. Sa-telah penat berfikir dan meneka sendirian Kamaruzaman dapat

juga di-tewaskan oleh mata-nya. Dia mengembara ka-alam mimpi.

MENUNGGU HARI ESOK

Kerana menurut peredaran masa, Kamaruzaman biasanya menjemput sa-orang dua kawan2-nya untok meraiekan hari jadi-nya. Tapi pada tahun ini dia tidak-lah berchadang apa2. Ibu-nya hairan, apa tah lagi bila di-lihat-nya Kamaruzaman selalu bermenong. Dia tidak sa-riang dulu.

“Kalau mak kata Zaman mesti jemput kawan Zaman, baik-lah mak,” kata-nya, untok menyenangkan hati ibu-nya, “Zaman akan jemput ketua pejabat Zaman yang baru tu mak. Dia baik orang-nya.”

“Nak makan siang-kah, makan malam?” tanya ibu-nya.

“Makan malam saja mak. Esok Zaman beli ayam, ya mak,” kata Kamaruzaman. “Tapi,” sambong-nya, “Mak ta’ usah-lah sebok2 sangat mak, buat kali ini ta’ usah-lah panggil pakchik dan makchik.”

“Kenapa Zaman? tanya ibu-nya hairan.

“Zaman ta’ sedap hati-lah mak. Lain kali saja-lah kita ajak pakchik Lemam dan makchik Yam makan.”

“Kalau bagitu kata kau baik-lah.”

Petang hari Jumaat, petang hari jadi Kamaruzaman; segala2-nya sudah siap untuk menyambut tetamu yang di-undang khas itu. Meja sudah terator dan makanan sudah sedia.

“Kalau mak nak sembahyang Maghrib, sembahyang-lah dulu,” kata Kamaruzaman kepada ibu-nya. “Ketua pejabat Zaman tu jam sembilan baru dia sampai agak-nya.” Sa-benar-nya Kamaruzaman ta’ mahu ibu-nya berada di-situ waktu tetamu istimewa itu datang kelak.

“Wah, berat juga angkatan tuan kau tu Zaman,” kata Salmah sambil menyudahkan kerja-nya. “Siapa nama tuan kau tu?”

“Enche Mus,” jawab Kamaruzaman ringkas.

“Mus apa?” tanya Salmah ingin tahu.

“Entah-lah mak, orang panggil dia Enche Mus saja.”

“Ganjil nama-nya, ya Zaman. Ada orang nama Mustapha, Mustarjo, Muslim atau Musa macham ayah kau dulu. Tapi ini ringkas benar Mus, saja.” Kamaruzaman ketawa; mereka sama2 ketawa.

Jam di-dinding berbunyi lapan kali. Dari sa-buah surau yang berdekatan, berkumandang suara azan – men-andakan waktu ‘Isha kini tiba.

Salmah terus mengadap Kiblat, menyembah Tuhan yang Maha Asa. Di-ruang depan Kamaruzaman sebok menyambut tamu yang di-undang khas itu.

“Sila-lah naik Enche ah ta’ usah-lah bukakan kasut,” kata Kamaruzaman penoh hormat, apabila di-lihatnya tamu itu membongkok membuka sepatu-nya. Dia tegak sa-mula.


“Eh mengapa sunyi benar rumah mu ini Zaman?” tanya-nya ragu.

“Rumah ini memang sunyi Enche,” Kamaruzaman menjawab, “kerana chuma mak dan saya saja di-sini. Mak saya lagi sembahyang. Masok-lah Enche.”

Enche Musa melangkah masok. Kamaruzaman menarek sa-buah kerusi untok-nya. Dia dudok. Mata-nya liar menchari sa-suatu. Dia menyambut rokok yang di-unjokkan Kamaruzaman kapada-nya. Dia menghisap rokok itu perlahan2. Di-wajah-nya terlukis perasaan churiga. Mengapa dia sa-orang saja di-jemput makan untok menyambut hari lahir? Ganjil budak ni, fikir hati-nya.

“Tidak-kah Zaman menjemput kawan2 yang lain untok makan malam ini? Saya ingat Zaman kata ini jemputan selamat hari jadi,” Enche Musa menyuarakan kemushkilan hati-nya. “Kenapa saya saja yang di-undang?”

“Saya sengahaja menjemput Enche sa-orang,” kata Kamaruzaman sambil mengetok rokok-nya ka-tempat abu rokok, “kerana ada satu perkara yang mustahak yang hendak saya



Serentak itu dulang yang di-tatang oleh Salmah berderak jatuh ka-lantai.

kemukakan,” sambong-nya. Enche Musa memandangnya tepat2. Kamaruzaman tundok sa-olah2 sedang ashek berfikir.

Enche Musa kemudian membuang puntong rokok yang maseh panjang itu ka-dalam tempat abu yang sedia di-situ, mata-nya maseh memandang Kamaruzaman.

“Apa hal-nya ni Zaman? Katakan-lah.” Kamaruzaman tidak menjawab apa2. Dia maseh tundok memandang lantai.

“Katakan-lah Zaman, kalau boleh saya tolong, saya akan tolong awak.” Suasana maseh hening. Enche Musa menyambong lagi, “Saya tau awak maseh terlalu muda, awak maseh ada banyak peluang untok menaiki tangga kejayaan. Saya memang ingin hendak menolong awak, memandang kapada kerja2 awak yang bagitu bertanggung jawab. Saya tau ini walau pun saya baru beberapa minggu saja menjadi ketua awak.”

“Bukan itu maksud saya Enche,” kata Kamaruzaman sambil menoleh ka-dalam, “ah, itu pun mak sudah habis sembahyang. MAK!” suara-nya manja, “Mak tolong hantarkan ayer limau tu dulu mak.”

“Baik Zaman,” suara Salmah dari dalam.

“Siapa nama ibu mu Zaman?” tanya Enche Musa dengan gugup.

“Sabar dulu Enche . . . ah, ini pun mak, mak . . .”

Serentak itu dulang yang di-tatang oleh Salmah

berderak jatuh ka-lantai — berkechai gelas2, bertaboran di-kaki-nya! Dia tertegak di-situ saperti sa-buah patong batu. Enche Musa bangun dari kerusi-nya bagai di-sambar petir.

“Salmah!” Lembut, mesra dan penoh ta’ajub nama itu di-seru-nya. Mata-nya terpaku di-wajah insan yang sa-lama ini tinggal kekal dalam lipatan hati-nya — insan yang sentiasa bertakhta dalam kenangan-nya. Ya wajah itu belum berubah bagi-nya; wajah yang pernah memberi kebahagiaan dan pengorbanan yang abadi pada-nya wajah yang pernah di-kechewakan-nya.

“Abang Musa!” Salmah chuma dapat membisekkan nama itu. Pandangan-nya juga termeteri di-jasad insan yang pernah memberi segala kebahagiaan dan kemeseraan kapada-nya. Ya insan yang pernah di-churahkan-nya kesetiaan dan keperchayaan insan yang pernah juga menchampakkan kaseh sayang-nya ka-lembah noda.

Kamaruzaman chuma dapat memandang dari ibu-nya ka-arrah Enche Musa berganti2. Suasana menjadi sepi. Tidak ada satu perkataan pun yang dapat keluar dari kerongkong masing2. Hanya dada masing2 berombak menahan pergolakan perasaan yang maha hebat. Entah berapa lama tiga lembaga manusia yang baru di-pertemuan Tuhan terchehat di-situ, tiada siapa yang dapat mengetahui-nya.

“Salmah, maafkan-lah abang,” Musa memechah kesunyian dan ketegangan suasana itu. Pada masa itu mahu rasa-nya dia memelok dan menchium kaki Salmah, tapi

dia takut — takut kalau2 Salmah sekarang menjadi isteri orang. Apa nanti kata suami-nya.

Salmah maseh belum dapat bersuara. Seluroh anggota-nya menjadi lemah. Dia terhuyong hendak rebah, tapi Kamaruzaman dengan pantas memegang kedua belah bahu ibu-nya dari belakang.

“Mak, mak ini-kah ayah Zaman mak?” tanya-nya.

“Ya Zaman, dia ayah-mu tapi dia bukan suami mak lagi.” Dengan itu Salmah terus mengagahi diri-nya dan berlari masok ka-bilek-nya. Pintu bilek-nya di-kunchi-nya dari dalam. Dia menangis sa-puas2 hati-nya.

Musa kebinggongan. Dia terduduk sa-mula di-kerusi-nya. Segala peristiwa lama bergelut datang menyesak fikiran-nya.

“Zaman,” suara-nya menggeletar, “siapa suami mak-mu sekarang?”

“Mak ta’ ada suami, mak ta’ pernah kahwin lagi. Mak kata sa-masa dia meninggalkan rumah dulu saya baru dua bulan dalam kandungan,” Kamaruzaman menerangkan.

“Zaman anak-ku,” kata Musa sambil menghulor kedua belah tangan-nya kepada anak muda itu. Kamaruzaman mendapatkan ayah-nya dan memelok-nya erat2. Kedua-nya bertangisan.

“Ayah berdosa Zaman, maafkan-lah ayah,” suara Musa

tertahan2 menahan sedeh dan kesal. “Ayah akan menebus dosa ayah itu Zaman. Ayah akan memberi segala yang ada pada ayah itu Zaman. Ayah akan memberi segala yang ada pada ayah untuk kesenangan kau dan ibu mu,” sambong Musa dengan nada yang penoh terharu.

“Tapi ayah,” Kamaruzaman melepaskan pelokan-nya daripada ayah-nya perlahan2, “bagaimana dengan isteri dan anak2 ayah yang ada sekarang?” Dia memandang ayah-nya dengan penoh tanda tanya.

“Oh Zaman,” keloh Musa sambil dudok sa-mula di-kerusi-nya dan memichit2 dahi-nya dengan kedua belah tangan-nya, sa-olah2 hendak memecahkan satu masaalah yang besar. Kening-nya berkerut menandakan soal itu terlalu rumit hendak di-perbinchangkan. Kamaruzaman maseh menanti.

“Bagaimana ayah?” ulang-nya.

“Ayah telah berdosa Zaman,” sesak bunyi nada suara Musa bila berkata2 itu, “ayah berdosa bukan saja pada Tuhan, pada ibu mu dan pada kau, tapi juga pada dua lagi manusia lain.”

“Zaman ta’ faham ayah, cheritakan-lah.”

Musa menyandarkan belakang-nya ka-belakang kerusi. Muka-nya mengadiah ka-langit, mata-nya di-pejamkan-nya, sa-olah2 memimpikan sa-mula peristiwa lama.

“Agak-nya tentu ibu-mu sudah memberi tau kau

Zaman, mengapa dia meninggalkan ayah?" Musa ingin tahu.

"Sudah ayah, dan kami telah pun memaafkan ayah. Mak pun kata begitu ayah." Kamaruzaman berjalan dan berdiri di-belakang kerusi ayah-nya. Dia ta' sanggup menentang wajah sedah ayah-nya itu.

"Terima kaseh Zaman, ibu mu memang sa-orang perempuan yang berjiwa mulia," Musa menarek nafas panjang, kemudian menyambong sa-mula, "bagi ayah belum ada ganti-nya Zaman." Suasana sepi sa-ketika, hanya sedu sedan yang sayup saja terdengar jauh, mengharu.

"Sejak ibu mu meninggalkan ayah dan Zainab, hidup kami tidak lagi berchahaya." Musa bercherita. "Zainab sa-tiap hari bersedeh dan menyesali perbuatan ayah yang telah terlanjor itu. Bagitu juga ayah sendiri. Ayah sentiasa dudok bersendirian menyesali perbuatan ayah yang terkutok itu. Ayah ta' dapat memberi hiburan yang sa-wajar-nya pada dia. Kesehatan-nya terganggu dan" suara Musa tertekan dek perasaan bathin-nya, ". . . . dan waktu hendak melahirkan anak ," sa-kali lagi suara Musa tersangkut di-keronggong-nya. Dengan agak payah dia menyambong, "Kedua2 ibu dan anak itu ta' dapat diselamatkan," menggeletar suara itu. "Sejak itu ayah mengutok diri ayah dan ayah ," suara nya terhenti di-situ.

"Dan ayah tidak kahwin lagi?" tanya Kamaruzaman, sa-olah2 melengkapkan ayat ayah-nya yang belum habis itu.

"Tidak Zaman, ayah ta' pernah kahwin lagi. Entah

mengapa sejak ibu kau meninggalkan ayah, ayah rasa ya-lah ayah telah kehilangan sa-suata yang sangat ayah hargai. Dan bila Zainab telah kembali ka-Hadrat Tuhan, kehilangan itu tambah terasa benar.” Musa menghabiskan cherita-nya. Dia menarek nafas panjang untok meluaskan dada-nya yang sesak itu.

“Oh, ayah alang-kah susah-nya dan sunyi hidup ayah!” keloh anak muda itu sambil memegang bahu ayah-nya.

“Tinggal-lah ayah sa-orang, Zaman, dalam kegelapan hidup. Satu2-nya penghibor ayah ia-lah membuat kerja ayah bersungguh2. Hasil-nya ayah telah di-naikkan pangkat dan di-tukarkan ka-Limbang. Enam tahun ayah bertugas di-sana, namun hati kechil ayah maseh mengharap agar dapat di-perjumpakan sa-mula dengan ibu-mu, walau pun ayah sa-benar-nya tidak tahu tentang ujud-nya dikau.” Musa berhenti sa-ketika. Muka-nya menggambar perasaan yang menyelubongi hati-nya — perasaan duka yang meng-himpit jiwa-nya di-sa’at itu.

Kamaruzaman tegak membatu di-belakang ayah-nya. Pedeh benar hati-nya mendengar cherita ayah-nya. Dia dapat membayangkan bagaimana menderita-nya ibu-nya mengandong dan melahirkan-nya, kemudian membesar dan memberi pelajaran kapada-nya, dengan keperchayaan bahawa Musa suami-nya tidak lagi mengasehi diri-nya. Di-sudut lain pula tergambar bagaimana ayah-nya hidup kesunyian teraba2 menchari kebahagiaan yang telah di-bawa oleh ibu-nya. Ah, ini semua-nya takdir! Kamaruzaman merenong jauh ka-suatu arah yang tiada ujud.

“Sekarang doa ayah telah di-kabul Tuhan,” kedengaran ayah-nya berkata lagi. “Tapi rela-kah ibu mu menerima ayah kembali?”

Perkataan ayah-nya yang akhir itu menyedarkan Kamaruzaman, bahawa ibu-nya sedang menangis di-bilek sana. Dia memegang tangan ayah-nya dan berbisek, “Ayah, mari kita pujok mak ayah.” Suara-nya penoh mesra.

Kedua beranak itu masuk ka-ruang tengah dan mengetok pintu bilek Salmah. “Mak, mak buka pintu mak,” seru Kamaruzaman. Tiada jawapan! Anak dan ayah itu berpandangan, chemas!

“Sal bukakan-lah pintu ini Sal, izinkan-lah kami masok,” rayu Musa. Salmah membatukan diri-nya. Sa-ribu satu macham perasaan bergolak di-hati-nya; hiba mengenang perbuatan suami-nya yang silam, sedeh mengenangkan kematian Zainab, kasehan mendengar suara Kamaruzaman yang sejak kechil dahagakan kaseh sayang sa-orang ayah.

“Eh, kenapa mak, mak!” menggeletar suara Kamaruzaman dek kechemasan, takut kalau2 ibu-nya membuat sa-suatu yang ta’ di-ingini. Mendengar suara yang begitu chemas Salmah bersuara dalam tangisan:

“Sudah-lah Zaman, ta’ usah ganggu mak.”

“Sal izinkan-lah abang masok Sal,” seru Musa.

“Tidak, tidak, biarkan-lah Sal sa-orang diri di-sini,” tangis Salmah sa-makin menjadi. Dia ta’ dapat memaksa

diri untok berhadapan dengan Musa. Ya, dia takut luka lama-nya yang telah mulai semboh kini akan berdarah kembali.

“Sal, jangan bagitu Sal. Izinkan-lah abang masok. Izinkan-lah abang menchium kaki mu. Abang tau abang berdosa dan bersalah, dulu sudah abang mengakui-nya. Sekarang abang telah bertaubat, ampuni-lah abang Sal.” Pujok Musa penoh harapan, walau pun dia tau harapan itu tipis benar, kerana Salmah mempunyai jiwa yang sangat lembut tetapi sukar hendak di-patahkan.

“Sal bukan Tuhan, chuma Tuhan saja yang dapat mengampunkan dosa hamba-nya,” suara Salmah tegas di-balut hiba.

“Abang faham Sal. Tapi abang ingin hendak menebus dosa abang terhadap mu. Mari-lah kita hidup bersama sa-mula. Abang berjanji akan memberi segala kebahagiaan dan kesetiaan kapada mu.”

Sabagai sa-orang wanita yang kuat ke‘azaman-nya, Salmah ta’ mahu segera mengalah. Dia tetap enggan membuka pintu itu.

“Buka-lah pintu ni mak,” Kamaruzaman merayu lagi, sa-telah di-dengar-nya ibu-nya tidak menjawab.

“Tidak Zaman, biarkan-lah mak bersaorangan sekarang.”

Kamaruzaman berfikir sa-jenak. Dia tahu ibu-nya sa-orang wanita yang selalu berpegang tegoh dengan kata2-nya.

Sa-kali dia kata tidak maka tidak-lah sa-lama2-nya. Dia memandang muka ayah-nya dengan pandangan yang sayu. Ayah-nya tundok menggigit bibir-nya, menahan perasaan duka dan putus asa.

“Sudah-lah Zaman,” kata Musa, tewas, “ibu mu ta’ kan ingin memaafkan ayah. Memang dah nasib ayah Zaman.”

“Tidak ayah,” ayer mata Kamaruzaman mulai berlenang. “Mak,” sambong-nya, “mak, kalau mak ta’ mau menerima ayah kembali, biar-lah Zaman pergi merantau, mak.”

Kechut hati Salmah mendengar kata2 itu. Ada-kah anak kesayangan-nya itu akan benar2 merajok hati dan meninggalkan dia??? Dia takut. Walau bagaimana pun dia maseh belum dapat bersuara.

“Dengar sini mak,” menggeletar suara Kamaruzaman, kerana alunan perasaan-nya “mak, tidak-kah mak tau, darah berani menempoh hidup yang telah mengalir di-badan mak, kini sedang mengalir juga di-seluroh badan Zaman ni?” dia berhenti sa-ketika, kemudian menyambong lagi:

“Kalau mak hanya sa-orang perempuan, berani menempoh liku2 hidup sa-orang diri, mengapa Zaman sa-orang lelaki tidak?”

Maseh belum ada jawapan dari dalam. Chuma sedu sedan yang memilu kalbu saja yang jelas terdengar.

“Mak bukan ta’ tau, Zaman rindukan kaseh sayang ayah. Kini sa-telah Zaman berjumpa kembali dengan ayah kandong Zaman, sanggup-kah mak memisahkan? Beri-lah Zaman keputusan mak!” Dia menarek nafas panjang. Kemudian dengan suara tegas dia menyambong lagi:

“Kalau mak sayangkan Zaman mari-lah kita hidup bersama ayah mak. Kalau tidak biar-lah Zaman merantau membawa diri!”

“Tidak Zaman, tidak!” Salmah menerpa ka-muka pintu, namun daun pintu itu belum mahu di-bukakan-nya.

“Jangan tinggalkan mak, Zaman, mak chuma ada kau saja di-dunia ini. Oh, Zaman mak telah menderita luka yang parah nak, sekarang walau pun luka itu telah semboh namun parut-nya maseh ada lagi,” tangis Salmah sa-makin memilu.

“Sal, abang tidak akan memaksa kau supaya memperchayakan kata2 abang Sal,” sahut Musa dengan nada yang lesu. “Tapi demi kebahagiaan dan kepentingan masa depan anak kita abang sembah dan abang puhonkan belas kaseh mu. Mari-lah kita sama2 memberi kebahagiaan itu kapada-nya. Zaman maseh muda Sal, abang mau memberi dia pelajaran yang lebeh tinggi. Mari-lah kita hantarkan dia belajar ka-luar negeri,” kata Musa bersungguh2.

Terhenti sa-jenak jantung Salmah mendengar kata2 Musa. Terbayang chahaya kebahagiaan yang akan di-tempoh oleh anak-nya, jika dia dapat belajar lagi, ka-luar negeri!

Tapi bagaimana-kah dia, Salmah, hendak hidup bersama Musa? Hati-nya sudah patah. Kini hati itu berpe-rang hebat dengan kebanggaan dan keraguan. Apa-kah yang harus di-buat-nya sekarang? Menurut hati yang telah luka bererti dia akan kehilangan anak tunggal yang menjadi tangkai nyawa-nya. Menelan kebanggaan-nya dan kembali kepada Musa, suami yang sudah dua puluh tahun terpisah, bererti memberi Kamaruzaman sa-tingkat lagi kehidupan yang lebeh sempurna dan berguna; Kamaruzaman akan menjadi sa-orang pemuda yang terpelajar, sa-orang anggota masharakat yang lebeh bertanggung jawab terhadap bangsa dan negara-nya.

Masaalah yang paling sukar di-hadapi-nya sekarang ia-lah bagaimana-kah dia dapat menentang wajah Musa dari dekat — hidup sabagai suami isteri sa-mula??? Walau pun dia ta' pernah membenchi Musa tapi Ah entah-lah, keloh-nya sendirian.

“Mak, buka-lah pintu ni mak,” Kamaruzaman menyeru lagi.

“Sal, beri-lah jawapan yang boleh menenteramkan hati Zaman, Sal,” Musa merayu.

“Biar-lah mak bersendirian Zaman,” kata Salmah mengarahkan jawapan-nya kepada anak-nya kemudian kepada Musa:

“Biar-lah Sal sendirian esok akan akan Sal beri keputusan,” suara-nya putus2.

“Tapi Sal,” potong Musa agak kurang sabar.

“Tunggu-lah esok,” potong Salmah chepat, “sekarang biar-lah Sal bersendirian menchari kerelaan hati yang telah tiada.”

Lapang sadikit dada Kamaruzaman. “Baik-lah mak,” kata-nya sambil menarek tangan ayah-nya dan memimpinya ka-dapor. Ya, sekarang baru terasa benar lapar perut-nya.

Kamaruzaman makan dengan berselera. Musa tidak pun menyentuh nasi yang di-pinggannya. Selera-nya hilang langsung walau pun perut-nya menjerit minta di-isi.

Musa memerhati anak kesayangan-nya yang baru di-temu-nya itu sa-puas2 hati-nya. Betapa kachak anak muda itu. Dari susok badan-nya yang sederhana, dari wajah-nya yang tenang, terbayang satu ke’azaman yang kuat, satu ketabahan yang sukar di-lawan. Ya . . . in-lah anak-nya, anak yang telah di-didek oleh sa-orang wanita yang pernah dan maseh lagi di-kasehi-nya sa-penoh hati.

Kini malam bertambah tua. Di-angkasa chahaya bulan sa-makin podar. Di-sisi-nya Kamaruzaman sudah berdengkur — puas! Tapi bagi Musa tidor ta’ kunjong tiba. Dia tidak dapat melelapkan mata-nya. Hati dan perasaan-nya kini teraba2 dalam kegelapan malam itu. Ya, jiwa-nya benar gelap dek gelap-nya chuacha di-larut malam itu. Fikiran-nya bagitu beku. Hati-nya chemias dan bimbang — bimbang mengenangkan apa-kah nanti

keputusan Salmah.

Musa dudok di-sisi anak-nya memikir dan membayangkan masa depan anak-nya itu. Di-samping itu juga dia menyoal diri-nya: “Apa-kah keputusan Salmah esok??? Sudah-kah Salmah menchari dan sudah-kah dia bertemu dengan kerelaan hati-nya???”

Musa bangun perlahan2 dan berdiri di-tepi jendela kamar anak-nya, yang sentiasa terbuka itu. Di-buang-nya pandangan-nya keluar, menjelajah kesepian malam itu. Titik2 embun jantan kini berkilau di-daun2 kayu yang mendapat chahaya lampu di-jalan sana. Dari halaman meresap bau harum melati yang sedang mengorak kuntum2 genit-nya. Musa menyedut mesra.

Dari kamar tidor sa-belah kedengaran Salmah gelisah. Mungkin dia sedang menchari kerelaan hati-nya, fikir Musa. Hawa malam bertambah dingin, alam sa-makin sunyi. Musa mengeloh, “Oh, aku terpaksa bersabar menunggu esok,” ratap-nya sendirian.



SALBIAH PAINAH

Lahir di-Kuching dalam tahun 1936. Anak yang kedua dalam empat orang adek beradek.

Bersekolah rendah di-Sekolah Kampong Gersek, Seberang Sungai Kuching dalam tahun 1947, kemudian melanjut ka-sekolah menengah Maderasah Melayu, Kuching. Lulus Sarawak Junior dalam tahun 1954. Tidak dapat menerus persekolahan oleh sebab2 yang tak dapat di-elakkan. Belajar sechara persendirian dan lulus L. C. E. (1) Bahasa Melayu dalam tahun 1966.

Sejak meninggal bangku sekolah, Che' Salbiah telah mengajar di-beberapa buah sekolah dalam Bahagian Pertama, Sarawak, hingga tahun 1967. Sekarang bertugas di-Jabatan Pelajaran, chawangan Perkhidmatan Siaran Radio Ka-Sekolah2, Kuching.

Sudah berumah-tangga dan kini mempunyai empat orang chahaya mata - tiga orang perempuan dan sa-orang lelaki.

Kegemaran-nya ia-lah membacha buku2 nobel dari berbagai2 aliran - romen, drama, mata-mata gelap; dari kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris. Menchintai kesenian Sastera, Muzik dan Derama Pentas. Giat menulis skerip untok Derama Pentas dan Sandiwara Radio, Sajak2 dan cheramah2 untok Ruangan Kaum P di-udara. Hasil karya-nya banyak tersiar di-udara menerusi Ra Malaysia Sarawak.

